

Sinar Harian (Sentral) 1/8/19 (Jumaat) m/s: 20
Bahaya asap kebakaran tanah gambut

KUANTAN - Kebakaran hutan tanah gambut di Kawasan Perindustrian Gebeng di sini menimbulkan kebimbangan kerana turut memberikan impak kepada ekosistem termasuk pencemaran udara.

Pensyarah Kanan Fakulti Kurjuteran Awam dan Sumber Bumi, **Universiti Malaysia Pahang**, Dr D. Youventharan berkata, udara yang tercemar kesan kebakaran tanah gambut menghasilkan gas gas toksik seperti karbon dioksida.

Menurutnya isu ini boleh memberikan implikasi kesihatan kepada masyarakat, antaranya kesesakan nafas, asma, bronkitis dan sakit mata.

"Hutan tanah gambut mempunyai kandungan organik dan fiber yang jauh lebih tinggi berbanding tanah biasa. Di kawasan Gebeng ini fiber dikesan sekitar 33 peratus manakala ketebalan boleh menjangkau antara dua ke tiga meter.

"Ciri ciri tanah gambut itu sendiri yang mengalami proses pereputan menyebabkan ia begitu mudah dipengaruhi oleh cuaca, sekiranya kering dan terbakar. Apabila ia terbakar, akan menghasilkan asap hitam dan tebal yang mempunyai gas karbon dioksida CO₂.

"Dengan konsentration yang tinggi boleh membawa kepada masalah kesihatan dan memudaratkan manusia sekitarnya. Bahkan kesan kebakaran tanah gambut 70 peratus lebih

teruk berbanding hutan biasa," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, hari ini.

Youventharan berkata, mengikut indeks pencemaran udara kebakaran hutan gambut boleh mencapai 300 hingga 400 IPU.

Menurutnya orang tua dan kanak kanak serta mereka yang mempunyai sejarah penyakit asma dan paru-paru adalah golongan berisiko menerima ancaman kesulitan, yang lebih tinggi.

"Masyarakat terdedah dengan keadaan panas dan berasap boleh hidapi masalah lebih kronik. Jadi diminta jangan membuat pembakaran terbuka,"katanya.



Dr D. Yuventharan (kiri) bersama kumpulan penyelidikny dari UMP.



Mengambil sampel tanah gambut dari kawasan kebakaran di Gebeng.